

TARIKH  
MEDIA  
MUKA SURAT

25.7.2019 (KHAMIS)  
BERITA HARIAN  
20



Wan Zulkifle bersama penerima biasiswa lepasan SPM daripada PETRONAS di bawah PESP selepas merasmikan program itu, di Dewan Canselor UTP Seri Iskandar, baru-baru ini.  
(Foto Balqis Jazimah Zahari/BH)

## PETRONAS komited asah bakat pembangunan modal insan

**Seri Iskandar:** Seramai 291 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menerima biasiswa bagi menyambung pengajian dalam pelbagai bidang di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara daripada Petroleum Nasional Bhd (PETRONAS) di bawah Program Penajaan Pendidikan PETRONAS (PESP) baru-baru ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Tan Sri Wan Zulkifle Wan Ariffin, berkata incaran adalah sebahagian daripada keseluruhan 400 pelajar yang menerima bias-

siswa berkenaan pada tahun ini dengan nilai penajaan keseluruhan bernilai RM156 juta.

"Walaupun turun naik dalam ekonomi global dan harga minyak mengalami tekanan, mengekalkan bakat pelajar tetap menjadi keutamaan PETRONAS, sekaligus membuktikan komitmen dalam saluran pengetahuan dan kemahiran yang mampu.

"Ia juga adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang berterusan PETRONAS ke arah pembangunan pendidikan," katanya ketika

berucap dan merasmikan program PESP di Dewan Canselor di Universiti Teknologi Petronas (UTP), di sini, baru-baru ini.

Wan Zulkifle berkata, beliau percaya pendidikan berperanan sebagai pentas untuk mempersaksakan masyarakat dan meningkatkan taraf hidup serta keupayaan masyarakat.

Sementara itu, Naib Presiden Kanan, Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan PETRONAS, Datuk Raiha Azni Abd Rahman, berkata program yang bermula sejak 1975 sudah menjana lebih 36,000

pelajar yang layak dengan lebih daripada RM3.3 bilion sudah dilanjutkan setakat ini.

"Pelajar yang ditaja akan melanjutkan pengajian dalam ijazah sarjana muda dan institusi pengajian antarabangsa terkenama antaranya di Australia, Kanada, China, Jepun, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat dalam pelbagai jurusan antaranya kejuruteraan petroleum, kejuruteraan mekanikal, undang-undang dan kewangan.

Katanya, kira-kira 7,000 permohonan diterima dengan lebih 1,000

permohonan disenarai pendek sebelum senarai dimuktamadkan kepada 400 penerima sahaja.

"Antara kriteria pemilihan pelajar adalah berdasarkan kecermatan pelajar dan meneodi ciri kepimpinan serta mampu berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa.

"Selain itu, kriteria lain kita juga dititikberatkan dan kita melihat sama ada mereka mampu hadapi cabaran dari pelbagai aspek di dalam persekitaran baharu ketika belajar baik di dalam maupun di luar negara," katanya.